

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24 Mei 2016**

**SOALAN**

PERTANYAAN DI BAWAH PM (22) Tuan Julian Tan Kok Ping minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada rumah-rumah orang tua serta rumah anak yatim-piatu di kawasan Parlimen Bandar Kuching serta Parlimen Stampin. Senaraikan secara terperinci.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberi perhatian kepada perkhidmatan yang disediakan di institusi warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kepada warga emas, OKU dan kanak-kanak. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk menampung sebahagian daripada kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Bantuan ini adalah dalam bentuk Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan. Sehingga April 2016, sebanyak dua buah PSK yang mengendalikan Rumah Anak Yatim di kawasan Parliment Kuching dan Stampin telah menerima Bantuan Kewangan. Bantuan ini diberi untuk menampung kos makan minum (rangsum) penghuni berdasarkan permohonan PSK terbabit. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut : 1. Salvation Army Boys Home - RM23,000.00 2. Salvation Army Kuching Children - RM30,000.00 Home Jumlah : RM53,000.00 Manakala pada tahun 2015, sebanyak dua buah PSK yang mengendalikan Rumah Anak Yatim di kawasan Parliment Kuching dan Stampin telah menerima Bantuan Kewangan. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut : 1. Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Sarawak (PERYATIM) - RM213,000.00 2. Salvation Army Kuching Children Home - RM37,000.00 Jumlah : RM250,000.00 Tuan Yang di-Pertua, Rumah Seri Kenangan (RSK) Kuching adalah institusi warga emas yang ditubuhkan dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukan sebanyak RM782,775.00 bagi perbelanjaan mengurus RSK Kuching. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Sarawak juga turut memberikan Bantuan Kewangan kepada tiga buah PSK yang mengendalikan Rumah Anak Yatim iaitu:- PSK Kanak-Kanak 1. Salvation Army Boys Home - RM16,000.00 2. Salvation Army Kuching Children Home - RM15,000.00 3. Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Nur Murni - RM1,500.00 Jumlah : RM32,500.00 Kerajaan Negeri Sarawak turut memberikan bantuan kewangan kepada sebuah PSK yang mengendalikan Rumah Orang Tua di kawasan Parliment Kuching pada tahun 2015 iaitu:- PSK Warga Emas 1. Sarawak Hun Nam Siang - RM23,000.00 Jumlah : RM23,000.00 Manakala sehingga April 2016, Kerajaan Negeri Sarawak memberikan Bantuan Kewangan kepada sebuah PSK yang mengendalikan Rumah Orang Tua iaitu:- PSK Warga Emas 1. Sarawak Hun Nam Siang - RM20,000.00 Jumlah : RM20,000.00 Bantuan yang diberikan adalah untuk menampung sebahagian daripada kos menjalankan program dan aktiviti berdasarkan permohonan PSK berkenaan.

